

01/07/2001

Tanya apa saja (HL)

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaludin; Azran Jaffar; Minarni Mat Saad
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap menghadiri Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Universiti Malaya hari ini dan membenarkan pelajar tanya apa saja termasuk meluahkan perasaan masing-masing.

"Saya akan pergi...universiti itu bukan hak mereka. Saya juga ada hak di universiti itu kerana tanpa usaha kita, mereka tidak akan berpeluang belajar. Jadi janganlah ingat UM mereka punya," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Umno Selangor, di Shah Alam semalam.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengulas mengenai risalah antikerajaan yang disebarkan kepada pelajar membantah kehadirannya untuk menutup simposium itu.

Kira-kira 3,000 pelajar dari 15 institusi pengajian tinggi awam dan swasta, akademik dan pemimpin menyertai simposium dua hari dianjurkan Yayasan Penggerak Wawasan.

Pejabat Perdana Menteri juga sudah mengeluarkan arahan supaya penganjur simposium tidak menghalang mana-mana pelajar mengemukakan soalan kepadanya.

"Dr Mahathir dikatakan tidak mahu ada tapisan atau halangan kepada soalan yang bakal dikemukakan. Beliau mahu pelajar meluahkan perasaan mereka dan bertanya apa saja kepada beliau," kata pegawai sekretariat simposium itu, semalam.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain pula meminta pelajar yang hadir menggunakan peluang keemasan bertemu Perdana Menteri untuk mengemukakan sebarang soalan atau meluahkan perasaan masing-masing.

"Pelajar universiti seharusnya berfikiran rasional dan menggunakan masa di universiti untuk membina siasah dan intelektual diri masing-masing dan bukannya terbabit dengan pengaruh negatif," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, yang merasmikan simposium itu turut menyarankan perkara yang sama dan menasihatkan pelajar tidak melepaskan peluang berkenaan.

"Gunakan kesempatan ini untuk bersemuka dengan Perdana Menteri dan meluahkan segalanya yang terbuku di hati.

"Mengapa hendak buat perkara tidak baik. Adalah cukup malang kerana sebagai mahasiswa kita perlu bersikap terbuka, tetapi nampaknya sentimen politik kini mengaburi rasional pemikiran pelajar yang sepatutnya menjadi contoh kepada masyarakat," katanya.

Muhyiddin yang juga graduan UM pada 1970, berharap pihak universiti dapat membina semula Dewan Tunku Canselor (DTC) dengan reka bentuk yang sama.

Beliau berkata, selain geran kerajaan, beliau bersama bekas graduan lain akan turut menghulur bantuan bagi memastikan bangunan bersejarah kepada semua pelajar UM itu, dapat dipulihkan secepat mungkin.

"Saya berharap satu jawatankuasa dapat ditubuhkan untuk mewujudkan dana bagi membantu memulihkan DTC secepat mungkin," katanya.

Kelmarin, Dewan Tunku Canselor UM yang menyaksikan beribu-ribu graduan menerima ijazah mereka sejak 37 tahun lalu, musnah dalam kebakaran awal pagi, disyaki disebabkan perbuatan khianat.

Kejadian pada jam 3.45 pagi itu menyebabkan lebih 90 peratus dewan yang dibina pada 1964 musnah. Kerugian dianggarkan RM12 juta.

Mengenai perdebatan Pas dan DAP berhubung cadangan penubuhan negara Islam sekiranya pembangkang berjaya membentuk kerajaan, Dr Mahathir berkata, ketidaksesuaian di antara kedua-dua parti sudah diketahui.

"Satu pihak mahu menubuhkan negara Islam, manakala satu lagi pihak mahu perkara lain. Sebenarnya, mereka akan bertengkar," katanya.

Mengenai tuduhan Barisan Nasional (BN) memanipulasi isu itu untuk mewujudkan ketegangan di antara Pas dan DAP, Dr Mahathir berkata, pembangkang bebas berkata apa yang mereka mahu.

"Oleh kerana isu itu dimanipulasi oleh BN, jangan hiraukan...biar ia berlalu. DAP perlu benarkan Pas menubuhkan negara Islam dan mereka akan memansuhkan semua mahkamah sivil.

"Selepas itu mereka bicara Lim Kit Siang (Pengerusi DAP) di mahkamah syariah," katanya.

Mengenai pelantikan semula Kofi Annan sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir berkata, ia langkah tepat kerana tidak ada calon lain.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut mengesahkan pelantikan bekas Ketua Penerangan Umno, Datuk Yusof Nor sebagai pengerusi Felda yang baru.

Ditanya mengenai pelantikan itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak berpeluang melihat surat pelantikan.

(END)